

Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ditubuh pantau RMK-9

Um - 5/4/2006

Peranan BBPN penting memandangkan projek baru kerajaan memerlukan pelaksanaan teratur bagi mengelakkan daripada tertangguh

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

PUTRAJAYA 4 April - Kerajaan hari ini mengumumkan penubuhan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek yang telah disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Badan tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga diberi kuasa pada peringkat tertinggi bagi mengambil tindakan ke atas projek-projek bermasalah agar tidak menggagalkan rancangan lima tahun kerajaan itu.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, BBPN akan menyelaras pelaksanaan projek-projek yang mempunyai impak besar bagi menjana pertumbuhan dan pengagihan ekonomi teruta-

ma di kawasan-kawasan baru Koridor Utara, Pantai Timur dan Selatan.

Antaranya, kata beliau, membabitkan

■ **Lihat muka 2**

Badan Bertindak Pelaksanaan Negara ditubuh pantau RMK-9

Um - 5/4/2006

projek pelancongan, pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Projek-projek ini perlukan arahan dan jadual pelaksanaan yang tepat, kita mahu supaya peranan, penyelarasan dan pelaksanaan rancangan berjalan dengan baik kerana niat untuk memudahkan dan bukan menyusahkan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini.

Hadir sama ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Dua unit di Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) berfungsi sebagai sekretariat BBPN yang diketuai oleh Effendi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut terlibat sebagai Timbalan Pengerusi BBPN.

Perdana Menteri yang melahirkan harapan tinggi bagi menjayakan pelaksanaan RMK-9 berkata, peranan BBPN penting memandangkan segala projek baru kerajaan memerlukan pelaksanaan yang teratur bagi mengelakkan daripada tertangguh atau terbengkalai.

"Kita harap tidak ada projek terbengkalai, projek rugi, projek runtuh (kemudian) buat baru. Semua ini mengakibatkan kerajaan terpaksa berbelanja lebih dan kelewatan ini merugikan, tegasnya.

Justeru Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, segala persiapan termasuk modal insan dan infrastruktur perlu diperhalusi bagi memastikan projek

yang dirancang tidak menghadapi sebarang masalah untuk dilaksanakan.

"Pelaksanaan penting untuk diperhalusi (misalnya) bangunan sekolah yang dibuat tetapi guru tak ada, maknanya pelaksanaan tidak rapi.

"Mula-mula tidak ada hospital orang marah, ada hospital pun orang marah sebab tak ada doktor dan jururawat, kita tidak boleh buat orang marah sepanjang masa, jadi (BBPN) itulah pendekatan kita," jelas Perdana Menteri.

Dalam hal ini beliau menjelaskan, sektor swasta akan diberi peranan mengadakan latihan bagi menyediakan tenaga kerja mahir sebelum projek yang mempunyai impak besar di dalam sektor yang ditetapkan dapat disiapkan.

"Dulu kita tidak fikir tenaga kerja, selepas buat projek baru terfikir, pekerja ada tak cukup, kemahiran yang tidak dikehendaki hingga terpaksa guna pekerja asing.

"Ini perancangan dan pelaksanaan yang salah, jadi kena ditetapkan dari awal-awal lagi," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan, badan tersebut juga akan bertindak memantau projek-projek secara berterusan kerana terdapat pelaksanaannya akan berlanjutan sehingga RMK-10.

Ditanya mengenai kelewatan yang berlaku di peringkat negeri termasuk membabitkan masalah kelulusan tanah, Perdana Menteri berkata, kerajaan negeri telah memberi jaminan akan memberikan kerjasama untuk mempercepatkan segala keperluan bagi pelaksanaan projek.